

19.2.2025  
 Siaran Media

**DATO' IR. PATHMANATHAN K.**  
 CEO, PBAHB dan PBAPP.

**GANGGUAN BEKALAN AIR SEMALAMAN (21.2.2025 – 22.2.2025) AIR ITAM, FARLIM DAN PAYA TERUBONG: PELENCONGAN SALURAN PAIP UNTUK PROJEK JALAN PINTASAN LEBUHRAYA TUN DR. LIM CHONG EU – AIR ITAM**

- **18 jam: 9.00 malam, Jumaat (21.2.2025) – 3.00 petang, Sabtu (22.2.2025).**
- **Kira-kira 33,500 pengguna terjejas.**

PULAU PINANG, Rabu, 19.2.2025: Terdapat gangguan bekalan air berjadual semalaman 18 jam di kawasan Air Itam, Farlim dan Paya Terubong di Pulau Pinang, bermula dari 9.00 malam pada hari Jumaat, 21.2.2025.

Gangguan bekalan air berjadual (SWSI) ini telah diluluskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dalam surat yang diterima oleh PBAPP pada 17.2.2025. Ringkasan SWSI ini adalah seperti berikut:

<b>1. Tempoh</b>	<b>18 jam: 9.00 malam, 21.2.2025 – 3.00 petang, 22.2.2025.</b>
<b>2. Pengguna terjejas</b>	<b>33,500</b>
<b>3. Lokasi-lokasi utama</b>	<b>Air Itam, Farlim dan Paya Terubong: Sila rujuk “Lampiran A” untuk senarai penuh kawasan kejiranan yang terjejas.</b>
<b>4. Sebab</b>	<b>PBAPP perlu menutup sementara 5 injap di 5 rumah pam untuk memudahkan kerja-kerja penyambungan akhir projek pelencongan saluran paip 600mm di Lebuhraya Thean Teik, di hadapan Pasar Farlim.</b>

Pengguna air di kawasan terjejas disarankan menyimpan air yang mencukupi untuk kegunaan semasa SWSI.

Harap maklum bahawa SWSI ini berkaitan secara langsung dengan projek pelencongan saluran paip air 600mm untuk membolehkan kerja-kerja tebatan banjir negeri yang berkaitan dengan Projek Jalan Pintasan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu – Air Itam.



# PBA

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

*Meeting all your water supply needs*

Saluran paip bekalan air keluli lembut (MS) utama sedia ada mesti dialihkan dengan selamat dari kawasan projek untuk mengelakkan kejadian yang boleh menyebabkan masalah bekalan air di kawasan yang terjejas.

PBAPP memohon maaf atas segala kesulitan yang berlaku disebabkan oleh SWSI ini. Sila ambil perhatian bahawa adalah perlu untuk memberi laluan kepada kerja-kerja pembangunan negeri yang sedang berjalan untuk manfaat rakyat.

Untuk maklumat terkini mengenai SWSI 18 jam di Air Itam, Farlim dan Paya Terubong ini, sila layari halaman FB PBAPP dan/atau hubungi Pusat Panggilan 24 Jam PBAPP (no tel: 04 255 8 255).

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Seksyen Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)



# PBA

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

## Lampiran A:

### **Kawasan-kawasan Air Itam, Farlim dan Paya Terubong terjejas oleh SWSI semalaman 18 jam (9.00 malam, 21.2.2025 – 3.00 petang, 22.2.2025)**

1.	All Season Place	35.	Lebuh Rambai 1 - 17
2.	Asia Height	36.	Lebuhraya Thean Teik (dari Pasar Farlim ke Simpang Jalan Paya Terubong)
3.	Bomba Sukarela Jalan Thean Teik	37.	Lengkok Angsana
4.	Desa Baiduri	38.	Lengkok Paya Terubong
5.	Desa Mawar Apartment	39.	Lengkok Tun Mohamed Salleh Ismail
6.	Ecoworld	40.	Lintang Angsana
7.	Emerald Height	41.	Lintang Kg. Melayu 1 & 2
8.	Fairy Height	42.	Lintang Paya Terubong 1 - 6
9.	GL Garden	43.	Lintang Paya Terubong
10.	Green Garden (Lorong Bukit Kukus)	44.	Lintang Thean Teik
11.	Halaman Zoo Satu	45.	Lintasan Kg. Melayu 1 & 2
12.	Jalan Angsana	46.	Lorong Bukit Kukus
13.	Jalan Beriksa 1 - 4	47.	Lorong Rambutan
14.	Jalan Buah Jambu	48.	Lorong Rhu 1 & 2
15.	Jalan Buah Limau	49.	Medan Angsana 1 - 4
16.	Jalan Bukit Kukus	50.	Medan Angsana Apartment
17.	Jalan Lembah Ria	51.	Melodi Homes
18.	Jalan Oriental 1 - 5	52.	Oriental Garden
19.	Jalan Paya Terubong (dari Simpang Jalan Kampung Pisang ke Majestic Height)	53.	Pasaraya Sunshine
20.	Jalan Pisang Berangan	54.	Solok Angsana
21.	Jalan Rambutan	55.	Solok Paya Terubong 7 & 8
22.	Jalan Rhu 1 - 3	56.	Solok Paya Terubong
23.	Jalan Shaik Madar	57.	Solok Zoo 1
24.	Jalan Shaikh Eusoff	58.	Taman Hui Aun Apartment
25.	Jalan Teochew 1 & 2	59.	Taman Indah Paya Terubong
26.	Jalan Thean Teik (sepanjang jalan)	60.	Taman Lone Pine
27.	Jalan Tun Mohamed Salleh Ismail	61.	Taman Paya Terubong Jaya
28.	Jalan Zoo	62.	Taman Seri Rambai
29.	Jasmin Apartment	63.	Taman Sri Idaman
30.	Kampung Bukit Paya Terubong	64.	Taman Sri Timur
31.	Kampung Lembah Ria	65.	Taman Thean Teik 1 - 4
32.	Klinik Kesihatan Air Itam	66.	Tingkat Lembah Ria 1 - 4 (Happy Valley)
33.	Lebuh Paya Terubong 3	67.	Tingkat Paya Terubong 1 - 5
34.	Lebuh Paya Terubong		(Majestic Height)